

(ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

100446947

(ABD. RAHIM BIN ISMAIL

Sm. P.I.

(JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

O

L

E

H

ABD. RAHIM BIN ISMAIL

M.7175

Penyelia:

USTAZ ABD. MONIR YAACOB

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi syarat bagi
mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam
dengan Kepujian (Sm. P.I. Hons).

JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

0.1. PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل فلولا نفر من كل فرقة منهم
طائفة ليتقوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا
اليهم لعلهم يحذرون * والصلاة والسلام على
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين *

Dengan penuh kesyukuran terhadap keizinan Allah yang telah memberikan kelapangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya petunjuk dan kelapangan merupakan pemberian dan kurniaan Allah dengan sebesar-besar nikmat kepada golongan yang mensyukurinya. Di samping itu juga saya bersyukur kepada Allah yang membuka pintu hati berbagai pihak untuk membantu saya dalam kerja-kerja untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan faedah kepada generasi kini dan terkemudian.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Ustaz Abd. Monir Yaacob kerana pandangan dan bimbingan yang telah beliau berikan sepanjang penulisan latihan

ilmiah ini. Saya tidak akan melupakan jasa-jasa baik beliau itu dan saya doakan semoga Allah memberikan rahmat dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Demikian juga dipersembahkan terima kasih yang tidak ternilai kepada emak dan ayah yang dikasihi atas dorongan dan pengurbanan yang berpanjangan sehingga kejayaan ini, kepada adik-adik yang disayangi Halimah, Yusri dan Zalie tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan atas bantuan segala-galanya, abang doakan semoga anda semua berjaya menghadapi cabaran hidup setiap masa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberikan bantuan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini dan seterusnya kepada Cik Noraida yang telah menyelenggarakan urusan menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung iaitu kepada kakitangan pejabat DYMM Sultan Kedah amnya, kepada Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Dato' Haji Shuib bin Osman dan YTM Tunku Dato' Fariduddin bin Tunku Mansur khasnya.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas kelapangan dada mereka yang membantu saya. Doa saya semoga Allah mengampun kesalahan saya, kedua ibu bapa dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Seterusnya saya memohon kemaafan dan keampunan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Fakulti Pengajian Islam amnya dan Jabatan Syariah khasnya jika terdapat kesalahan-kesalahan saya di sepanjang pengajian di Universiti ini yang rasa agak terkilan di hati.

Sekian, Wabillāh al-taufīk wa al-hidāyah wa as-salām.

Abd. Rahim Ismail,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian
Islam, UKM, Bangi.

15hb. March, 1983.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
0.1.	PRAKATA	1
0.2.	SINOPSIS.....	vii
0.3.	PENDAHULUAN.....	ix
0.4.	GLOSSARI.....	xv
0.5.	TRANSLITERASI.....	xx

BAB PERTAMA

1.1.	Latarbelakang Adat Istiadat.....	1
1.2.	Definasi Adat Istiadat.....	2
1.3.	Nilai Adat Istiadat.....	14
1.4.	Jenis-Jenis Adat Istiadat Di Semenanjung.....	21
1.5.	Adat Temenggung.....	22

BAB KEDUA

2.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum....	32
2.2.	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya.....	34
2.3.	Pengasas Adat Istiadat.....	36
2.4.	Konsep Raja.....	37
2.5.	Bidangkuasa Raja-Raja Melayu.....	40
2.6.	Pembahagian Adat Istiadat.....	46
2.6.1.	Adat Istiadat Larangan.....	48

1a.	Kain Kuning.....	48
b.	Kain Nipis.....	50
c.	Keris Berhulu Emas.....	50
d.	Membuat Rumah dan Perahu.....	51
e.	Tilam Pandak Empat Persegi.....	52
f.	Tombak Bercabang Tiga.....	52
g.	Adat Memakai Payung.....	53
2.6.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	54
a.	Adat Bahasa Raja=Raja.....	54
b.	Adat Utusan Datang dan Pergi.....	56
c.	Adat Istiadat Raja Berjalan.....	57
d.	Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli.....	58
e.	Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya.....	59
f.	Adat Istiadat Perkahwinan.....	59
g.	Adat Istiadat Pertabalan.....	64
h.	Adat Istiadat Kemangkatan.....	66
2.7.	Unsur-Unsur Asing Dalam Adat Istiadat Raja= Raja Melayu.....	70

BAB KETIGA

3.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Yang Terpakai..	78
3.1.1.	Adat Istiadat Larangan.....	78
3.1.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	82
3.2.	Penelitian dan Penganalisaan.....	104
	Kesimpulan dan Penutup.....	112
	BIBLIOGRAFI.....	115
	LAMPIRAN 1: HUKUM KANUN MELAKA.....	124
	LAMPIRAN 2: PERATURAN ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN NEGERI KEDAH DARULAMAN.....	172
	LAMPIRAN 3: GAMBAR PERALATAN ADAT ISTIADAT.....	211

0.2. SINOPSIS

Dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji telah berminat untuk membuat tinjauan mengenai keluarga Diraja khususnya mengenai adat istiadat yang mempunyai hubungan dengan Raja-Raja Melayu. Oleh itu tinjauan akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Melayu yang terdapat di dalam teks Undang-Undang Adat Temenggung sebagai suatu perbandingan dengan adat istiadat yang masih terpakai di hari ini. Pengkajian khusus akan ditumpukan di negeri Kedah. Untuk perbandingan mengenai tajuk ini secara keseluruhannya, pengkaji telah merangka dan membahagikannya kepada tiga bab.

Bab pertama akan ditumpukan kajian kepada teks-teks yang menyentuh tentang latarbelakang adat istiadat diikuti dengan definisi adat istiadat, nilai adat istiadat, jenis-jenisnya yang terdapat di Semenanjung Malaysia kemudian akan diuraikan secara ringkas mengenai Adat Temenggung kerana ia mempunyai hubungan dengan tajuk ini.

Bab kedua pula merangkumi Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum, Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya, Pengasas Adat Istiadat, Konsep Raja dan Bidangkuasa Raja-Raja Melayu. Kemudian dalam bab ini juga satu tinjauan secara khusus akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Dahulu yang terdapat dalam

Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu bahagian Adat Istiadat Larangan dan bahagian Upacara dan Peraturan Adat Istana, kemudian disentuh sedikit mengenai Pengaruh atau Unsur Asing yang terdapat dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Bab ketiga kajian ditumpukan mengenai Adat Istiadat yang masih terpakai dewasa ini, kemudian Penelitian dan Penganalisaan dibuat untuk memperbandingkan antara adat istiadat lama dan baru untuk melihat dari segi persamaan dan perbezaan antara keduanya. Seterusnya diikuti dengan Kesimpulan dan Penutup Latihan Ilmiah ini.

0.3. PENDAHULUAN

A. BIDANG KAJIAN

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan sebagai satu bidang kajian untuk memperlengkapkan unit dan juga bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam dengan kepujian. Ia juga merupakan sebagai satu bidang kajian yang umumnya adalah bertujuan untuk memperlihatkan tentang adat istiadat raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun bidang kajian mengenai tajuk ini adalah amat luas, pengkaji telah cuba menganalisa tentang adat istiadat yang agak penting dan diperturunkan dalam latihan ilmiah ini.

Jelasnya mengenai adat istiadat ini masih dikekalkan hingga sekarang ini hanya dengan sedikit pindaan di sana sini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan masa, tetapi adalah bertepatan jika dikatakan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat di Kedah khususnya dan di Malaysia umumnya yang tidak benar-benar mengetahui dengan secara mendalam tentang adat istiadat tersebut, kecuali mereka yang terlibat dan orang yang tinggal di istana sahaja. Walaupun adat istiadat yang dibincangkan dalam latihan ilmiah ini dikhususkan kajiannya kepada adat istiadat negeri Kedah tetapi pada dasarnya mempunyai persamaan juga dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan sistem adat Temenggung.

B. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji tentang peraturan-peraturan adat istiadat istana yang masih dipraktikkan di kalangan keluarga diraja di samping menilai upacara-upacara yang dilakukan. Selain daripada itu pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana adat istiadat lama masih memainkan peranan dan sejauhmana perubahan-perubahan berlaku dari masa kesemasa berhubung dengan adat istiadat tersebut serta pengaruh asing yang terdapat didalamnya.

Oleh itu pengkaji yakin dan berharap dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu tentang sejauhmana kepentingan adat istiadat ini dan semoga dapat memberi pengetahuan kepada umum walaupun ianya tergolong dalam istiadat lama.

C. METODE KAJIAN

Dalam mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan latihan ilmiah ini beberapa metode telah digunakan dan akan digunakan semasa membuat kajian seterusnya bagi melicinkan bidang kajian mengenai tajuk ini. Dengan ini kelemahan satu metode akan dapat diatasi dengan metode yang lain. Metode yang digunakan seperti berikut:

c. Pita rakaman

Dalam membuat kajian ini salahsatu metode yang digunakan ialah pita rakaman suara iaitu semasa bertemuramah dengan orang-orang tertentu dengan tujuan untuk memudahkan pengkaji mengikuti temuramah dengan lebih tepat dan jelas di samping catitan-catitan dibuat.

D. MASALAH SEMASA MEMBUAT KAJIAN

Walaupun beberapa metode kajian digunakan, namun demikian terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa kajian itu dilakukan. Ini disebabkan satu golongan masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan berlainan dari masyarakat biasa, maka terdapat beberapa peraturan-peraturan yang mesti dituruti. Di antara masalah-masalah yang terpaksa pengkaji hadapi semasa membuat kajian ialah:

a. Pengkaji agak sukar menemui mereka yang berpengaruh dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat tersebut, walaupun masa dan hari telah ditetapkan tetapi kadangkala perjanjian itu terpaksa dibatalkan kerana mereka mempunyai urusan lain yang mungkin lebih penting seperti terpaksa menghadiri mesyuarat atau lain-lain hal.

b. Selain daripada itu, pengkaji juga agak sukar untuk menemui atau mendapat kerjasama dari pihak tertentu untuk meminjam buku-buku, mendapat kebenaran untuk mengkaji berhubung dengan tajuk di atas dan sebagainya. Pengkaji terlebih dahulu dikehendaki menyelesaikan urusan surat menyurat bagi mendapat kebenaran resmi dari pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang terletak di Wisma Negeri, Alor Star, Kedah.

c. Masalah juga timbul dari segi jarak jauh di antara tempat tinggal pengkaji untuk menemui mereka yang terlibat di mana, ini merupakan satu kesukaran walaupun pengkaji berasal dari negeri Kedah tetapi disebabkan pengkaji menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi jarak perjalanan antara Selangor dan Kedah adalah merumitkan di mana memerlukan masa yang sesuai untuk pulang, pelajaran tergendala dan sedikit sebanyak melibatkan kedudukan kewangan.

d. Mengenai bahan-bahan bacaan pula pengkaji tidak dapat mengumpulkan dengan selengkapnya di perpustakaan UKM, jadi pengkaji terpaksa berulang-alik dari tempat-tempat lain seperti perpustakaan-perpustakaan awam, Dewan Bahasa, Arkib Negara, Musium dan lain-lain tempat yang dapat memberi bantuan kepada pengkaji dalam hal ini.

Seperkara lagi berhubung dengan bahan bacaan ini, di mana tajuk kajian di atas adalah merupakan satu tajuk yang mempunyai hubungan dengan Undang-Undang Melayu Lama seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang 99 dan Undang-Undang Pahang di mana teks-teks asalnya adalah bertulisan jawi dan menggunakan bahasa lama yang ejaannya berlainan dengan apa yang didapati sekarang ini, kadang-kadang tidak didapati perenggan-perenggan dan susunan ayatnya juga tidak begitu teratur, sukar untuk difahami dan terpaksa menggunakan masa yang agak panjang untuk meneliti isi kandungannya.

0.4. GLOSSARI

Anugerah	- kurnia
Astaka	- Balai dalam istana.
Baginda	- Yang berbahagia (gelaran bagi sultan).
Bangsi	- Serunai.
Benian	- Peti.
Bentara	- Pesuruh raja (yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).
Beradu	- Tidur, berehat.
Berandam	- Memepat rambut di atas dahi, memepat janggut.
Berangkat	- Bertolak.
Bercemar	- Bercampur dengan orang yang lebih hina, mengotorkan.
Berlangir	- Membersihkan rambut dengan bermacam wangi-wangian.
Beta	- Saya (digunakan oleh raja-raja atau orang-orang yang berpangkat).
Biti-Biti	- Hamba perempuan di istana.
Celempung	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang memakai dawai seperti kecapi, sejenis alat-alat bunyi-bunyian seperti gong kecil.
Ceper	- Dulang, piring.
Ceracap	- Alat bunyi-bunyian seperti canang kecil atau buluh yang dihantuk-hantukkan.

Cokmar	- Sejenis pemukul dari logam yang dibawa dalam upacara-upacara tertentu.
Daulat	- Bahagia, kuasa (pada raja-raja yang memerintah).
Dian	- Lilin, pelita.
Gendir	- alat bunyi-bunyian gamelan.
Gering	- Sakit (untuk raja-raja).
Giring	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Gocoh	- Tumbuk, tinju.
Kain Cempa	- iaitu kain yang berasal dari Cempa, Indocina yang ditenun dengan halus dan indah.
Kain dukung	- kain pengendong atau pengambin (anak)
Kajangi	- anyam.
Kelekan	- Serambi.
Kendi	- Sejenis bekas air yang bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat daripada tembikar atau tin).
Kerikal	- Pinggan besar atau talam yang berkaki (dibuat daripada logam dan lain-lain).
Ketor	- Tempat Ludah.
Khasa(h)	- Kain yang halus nipis dan jarang-jarang tenun-annya.
Kopak	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Kurnia	- Anugerah, pemberian.
Kweng	- Ketua kampung.

- Makam - Kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan dan lain-lain).
- Mamak - Sebutan oleh raja kepada pembesar-pembesar negeri (menteri dan lain-lain), bapa saudara.
- Manakan - bapa kepada kemanakan.
- Mangkat - Baginda meninggal (digunakan untuk raja), mati.
- Murka - Marah, meradang.
- Nafiri - Sejenis serunai (trompet) panjang.
- Nagara - Sejenis gendang besar - nakara.
- Nasi adap-adapan - Nasi bercampur pulut dan sebagainya dihidangkan untuk pengantin baru.
- Nobat - ialah salah satu dari alat bunyi-bunyian Parsi termasuk juga didalamnya muri, dandi, serunai, kecapi, rebana dan lain-lain.
- Pacal - Hamba kepada raja.
- Pakan - Benang tenunan yang melintang.
- Panca - Logam campuran lima jenis.
- Panca persada - Tempat tinggi yang bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besar dan lain-lain).
- Pandak - Pendek.
- Patik - Hamba, saya (sewaktu bercakap dengan raja).
- Penduk - Penyalut pada sarung keris dari emas, perak dan lain-lain.

Penomah	- Raja - pemberian kepada bakal mentua.
Permanjungan	- Bahagian rumah yang ditinggikan disisi atau di tengah rumah.
Peterana	- Sejenis tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja mempelai dan lain-lain).
Puaidai	- Sejenis hamparan dari kain, untuk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dan lain-lain).
Puan	- Tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sebagai tanda kekuasaan raja.
Rana Sekati	- Nama sejenis bunyi-bunyian.
Sabda	- Kata-kata (nabi, raja, orang-orang besar), titah.
Santap	- makan, minum.
Selukat	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada logam.
Semayam	- Duduk di atas takhta atau singgahsana.
Sida-sida	- Pegawai-dalam-istana (mungkin sj pendeta), pegawai dalam istana yang telah dikasi (dikembiri).
Singgahsana	- Kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam).
Siram	- Mandi.
Suling	- Sejenis serunai, bangsi, salong, seruling.
Tabal	- Majlis merasmikan penobatan atau kemahkotaan raja.

- Terterapan - Sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata.
- Tetampan - Selampai dari kain sutera kuning yang (disibai-kan kebahu ketika menghadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja).
- Titah - Kata raja, perintah.
- Tutuh - Memotong dahan atau cabang kayu.
- Wali - Sejenis kain kuning yang disampaikan di bahu pegawai istana yang membawa alat kerajaan.

0.5. TRANSLITERASI

Bagi Perkataan-perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	d =	ض
b =	ب	t =	ط
t =	ت	z =	ظ
th =	ث	c =	ع
j =	ج	gh =	غ
h =	ح	f =	ف
kh =	خ	q =	ق
d =	د	k =	ك
dh =	ذ	l =	ل
r =	ر	m =	م
z =	ز	n =	ن
s =	ص	h =	ه
sh =	ش	w =	و
s =	ص	y =	ي
		,	ة
dammah + waw = ū		fathah	= a
Fathah + yā' = ai		kasrah	= i
fathah + waw = au		dammah	= u
		fathah + alif	= ā
		kasrah + yā'	= ī

2.1. ADAT ISTIADAT RAJA-RAJA MELAYU SECARA UMUM

Raja-Raja Melayu zaman dahulu khususnya Raja-Raja Melaka adalah mempunyai adat istiadat yang begitu lengkap, boleh dikatakan setiap bidang pekerjaan yang hendak dilakukan adalah ditentukan terlebih dahulu adat istiadatnya yang tersendiri, dan kalau dilihat dari segi sejarah bahawa raja Melakalah yang mula-mula sekali menentukan tentang adat istiadat. Secara tidak langsung bolehlah dikatakan bahawa adat istiadat negeri lain juga pada dasarnya berasaskan kepada adat istiadat Melaka, hujjah ini dapat dikuatkan dengan pendapat Dr. Liaw Yock Fang menyatakan bahawa Undang-Undang Kedah (sebagai contoh) adalah merupakan saduran dari Undang-Undang Melaka.¹ Begitu juga dengan Undang-Undang Pahang dan Undang-Undang Johor adalah dipengaruhi oleh Undang-Undang tersebut.²

Di samping itu kalau kita lihat kembali kepada teks-teks seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan dari Perak dan Undang-Undang Pahang dari struktur isi kandungannya adalah hampir-hampir mempunyai persamaan dengan undang-undang Melaka, misalnya larangan kekuningan pada dasarnya adalah mempunyai

¹ Dr. Liaw Yock Fang, Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik (Singapura: Pustaka Nasional, 1975), hal.283.

² Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, hal. 80.

persamaan antara undang-undang tersebut.

Menyentuh soal adat istiadat ini, mengikut seperti yang dinyatakan oleh Sinyir Gurnadur De Bruin, beliau berhasrat untuk mengumpul dan menulis kembali adat istiadat yang telah dilakukan supaya tidak luput oleh peredaran masa. Menurut beliau:

"Bagaimana ^Cadat segala raja-raja dan orang besar-besar zaman dahulukala dan zaman sekarang ini, orang yang mula-mula tatkala isterinya hamil yang pertama, bagaimana diperbuatnya dan dikerjakannya dan berapa orang bidannya dan bagaimana sampai pada hari keluar anak itu dan bagaimana pula disuruh pelihara dan apabila menyasar akan berapa-apa diajarkannya semuanya itu hendaklah kapitan ceritakan dan lagi sudah besar anak itu ^Cakal baligh, maka hendak diberi bini oleh ibubapanya, bagaimana adatnya itu, daripada permulaannya meminang hingga sampai habis pekerjaannya itu, ceritakan semuanya; dan lagi apabila bapanya meninggal maka ia menggantikan bapanya itu bagaimana adat semuanya tulis belaka. Dan bapanya apabila hendak dimakamkan orang bagaimana perintah raja-raja yang baru itu jangan kurang, tuliskan sekeliannya jangan bertinggalan."

¹Tardjan Hadidjaja, ^CAdat Raja-Raja Melayu (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964), hal.1

Di sini kita dapat melihat secara umum bagaimana pentingnya kedudukan adat istiadat itu dari apa yang telah diberikan oleh Sinyir Gurnadur De Bruin untuk mengetahui dan membuat catitan tentang adat istiadat yang telah dilakukan oleh Raja-Raja pada masa dahulu iaitu semasa pemerintahan negeri Melaka.

2.2. SEJARAH PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA

Dalam mengkaji tentang adat istiadat Raja-Raja Melayu dengan secara yang agak mendalam bagi meneliti sejarah pertumbuhan dan perkembangannya adalah perlu ditumpukan kajian kepada teks-teks Melayu lama seperti Sejarah Melayu, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan, Undang-Undang Pahang dan lain-lain. Dalam hal ini Teks Sejarah Melayu dan Undang-Undang Melaka dijadikan rujukan utama kerana kedua-duanya merupakan teks yang agak tua dapat memberikan gambaran sejarah dan susurgalur keturunan Raja-Raja Melayu dan adat istiadatnya khusus mengenai Adat Temenggung.

Sebelum itu kita tinjau sedikit kedudukan masyarakat Melayu yang diterangkan oleh Sejarah Melayu untuk meneliti kesan perkembangan adat istiadat tersebut selanjutnya. Dalam Sejarah Melayu adat istiadat yang ditonjolkan lebih tertumpu kepada adat istiadat istana atau lebih tepat dikatakan sifat dan penumpuan tulisannya

yang bercorak istana-centric. Kekurangan maklumat mengenai rakyat biasa ini dapat mencerminkan dengan jelas keadaan masyarakat Melayu pada masa itu di mana gejala yang dapat dilihat dengan wujudnya adat istiadat itu yang kemudiannya menjadi Undang-Undang Melayu Lama dan mencerminkan masyarakat ketika itu sebagai satu masyarakat yang sering dikatakan class-conscious.¹

Kelas yang dimaksudkan itu lebih layak dipanggil sebagai "golongan", iaitu golongan atasan atau golongan pemerintah, golongan rakyat biasa dan golongan hamba. Golongan pemerintah terdiri dari raja, keluarga diraja, pekerja-pekerja istana, pembesar-pembesar dan pentadbir negeri. Golongan pertama iaitu golongan pemerintah adalah mempunyai kuasa dalam segenap bidang - politik, undang-undang, tentera, ekonomi, adat istiadat dan lain-lain.

Golongan kedua iaitu rakyat biasa pula terdapat tendensi yang golongan ini dikatakan sentiasa tertekan oleh golongan pemerintah. Golongan terakhir ialah golongan hamba, mereka merupakan golongan yang paling tertindas dengan sebab wujudnya sistem feodal Melayu, hidup mereka berterusan tidak mendapat layanan dan kemudahan sebagai anggota masyarakat yang bebas.

¹Yaakub Isa, hal. 509

Ringkasnya tujuan menetapkan peraturan dan adat istiadat adalah untuk menjaga kepentingan kaum feudal Melayu yang mereka sendiri menjadi ketua. Oleh itu amat logik diwujudkan adat istiadat ini seperti yang ditentukan oleh sejarah di mana dapat membentuk tamaddun Melaka dan menyekat anggota-anggota masyarakatnya bertindak secara non-humanistik. Dengan adat istiadat juga dapat menentukan supaya pemerintah dapat mengawal sistem pemerintahan supaya berjalan dengan teratur dan bersistematik selari dengan sifat manusia yang mempunyai tamaddun dan budaya.¹

2.3. PENGASAS ADAT ISTIADAT RAJA-RAJA MELAYU

Menurut Sejarah Melayu sultan yang pertama sekali memulakan adat istiadat takhta kerajaan ialah raja Besar Muda iaitu raja Melaka yang kedua. Sejarah Melayu mencatatitikan:

"Syahadan bagindalah yang pertama berbuat menteri mengajari orang dibalai, dan mengadakan bentara empat puluh berdiri diketapakan balai akan menjunjung titah diraja dan menyampaikan sembah sekalian orang dibawah Duli baginda; dan bagindalah menjadikan anak tuan-tuan biduanda kecil akan suruhan-suruhan raja membawa segala alat raja barang² kemana dan barang sebagainya."

¹Yusuf Iskandar, hal.657.

²W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 54.

Selanjutnya dikisahkan bahawa cucunda baginda iaitu raja Kecil Besar anak kepada Raden Tengah telah memperkembangkan lagi adat istiadat itu.¹ Bagindalah yang mengadakan aturan adat istiadat dan larangan yang berhubung dengan taraf Raja Melaka yang dikenakan keatas rakyat. Sejarah Melayu menyebutkan:

"Syahdan, bagindalah yang pertama-tama meletakkan kekuningan larangan; tiada dapat dipakai orang keluaran dan diambil akan saputangan; dan tiada dapat dibuat tepi tabir, dan ulasan bantal besar dan tilam, dan bungkus barang apa-apa, dan akan karang-karangan benda dan tiada dapat diambil akan perhiasan rumah; dan lain daripada itupun tiada juga dapat, melainkan kain, baju dan destar, tiga perkara ini juga yang dapat dipakai. Dan larangan berbuat rumah bepermanjungan bertiang gantung tiada terletak ketanah, dan bertiang terus dari atap, dan peranginan; dan jikalau perahu bertingkap berpenghadapan, dan tiada dapat orang² memakai penduk dan terterapan keris.².....

2.4. KONSEP RAJA

Konsep "Raja" dalam masyarakat Melayu kelihatan berkembang dengan beransur-ansur mengikut perkembangan masyarakat itu dalam

¹Haji Buyung Adil, Sejarah Melaka (Kuala Lumpur: DBP, 1973), hal. 18.

²N.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 56.

jarak masa yang lama. Di dalam hikayat raja-raja Pasai yang terkarang dalam tahun 1350,¹ penggunaan istilah raja belum begitu tegas. Mengikut konsep Hindu "Raja" adalah daripada kasta Khastria,² dianggap mempunyai taraf yang tinggi daripada kasta-kasta yang lain.

Mengikut pendapat sarjana-sarjana sejarah "Konsep Raja" adalah muncul setelah kedatangan Hindu ke Alam Melayu. Ini berlaku kerana sebelum kedatangan Hindu hanya didapati kampung-kampung yang diteroka oleh keluarga-keluarga hasil perpindahan di antara satu tempat dengan tempat yang lain, misalnya dari kelompok Indonesia daripada jenis Mongoloid telah berpindah ke selatan daripada Barat-daya Cina dan menduduki alam Melayu lebih kurang tiga ribu tahun dulu. Mereka telah melantik salah seorang dari mereka sebagai kepala untuk mengetuai mereka.

Secara tidak langsung mereka yang menjadi ketua itu pula mempunyai kebolehan dan kesanggupan untuk memberi perlindungan kepada orang-orang yang dibawah jagaannya. Selain dari itu ketua-

¹R.O. Winstedt, A History of Classical Malay Literature, JMERAS, Vol. XXXI, Part 3, 1958, hal. 127.

²A.H. Hill, Hikayat Raja-Raja Pasai (Singapore: The Malay Publishing House Ltd., Jun. 1960), hal. 40.

ketua ini juga kebiasaannya mempunyai kelebihan sesuatu seperti dari segi kekuatan, kebijaksanaan serta kebolehan dalam menguasai benda-benda ghaib. Dengan perubahan masa dan perkembangan masyarakat menyebabkan ketua tersebut menjadi bertambah kuat disebabkan faktor-faktor tertentu seperti dengan bertambahnya pengikut, mempunyai kekayaan alam semulajadi atau mempunyai kedudukan yang baik. Setelah kedatangan orang-orang India ke alam Melayu kedudukan ketua ini dinaikkan statusnya menjadi raja atau telah diperkenalkan dengan cara-cara pemerintahan beraja Hindu.¹

Golongan-golongan yang dikenali dengan raja ini pula dilengkapi dengan keistimewaan-keistimewaan dan kuasa-kuasa ghaib, dipercayai bahawa tubuh badan raja adalah suci dan darah raja adalah berketurunan darah putih. Kuasa ghaib yang dipunyai oleh raja dikenali sebagai "daulat" yang tidak boleh dilanggar oleh rakyat. Kedaulatan itu dihubungkan dengan kebesaran seperti alat-alat bunyian yang mengandungi nobat, nafiri, alat-alat senjata seperti pedang, keris, tombak dan lain-lain. Menurut William Skeats, rakyat biasa boleh terkena daulat raja jika mereka melanggar hak-hak

¹R.O. Winstedt, A History of Malaya, JMBRAS, Vol. 13, Part I, 1953, hal. 35. Lihat juga Abu Hassan Sham, Undang-Undang Hindu Dalam Teks Undang-Undang Adat Temenggung, DBP, Jil. 17 Julai 1973, hal. 313.

raja, larangan-larangannya atau mengeneipkan segala tanda-tanda kebesarannya. Beliau mengifatkan daulat itu sebagai satu kuasa dari tubuh seseorang raja yang boleh membekukan rohani dan jasmani seseorang.¹

Kemudian dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu kedudukan raja menjadi bertambah kukuh lagi kerana raja dicorakkan pula dengan pewarnaan Islam, misalnya seperti gelaran "sultan" merupakan pengaruh dari bahasa ^CArab, hal ini dapat kita lihat seperti gelaran yang telah diberikan oleh Saiyed ^CAbdul ^CAzīz kepada raja Kecil Besar setelah baginda memeluk Islam iaitu Sultan Muhammad Syah.² Walaupun konsep raja ini adalah hasil dari pengaruh Hindu tetapi ia mempunyai kedudukan yang tertinggi, istimewa dan penting di mana sehingga kini ia bukan saja sebagai tampuk pemerintahan tetapi juga sebagai ketua ugama Islam.

2.5. BIDANGKUASA RAJA-RAJA MELAYU.

Mengikut seperti yang diterangkan dalam bab pertama bahawa sistem pemerintahan Adat Temenggung adalah bercorak Aristokrasi

¹William Skeats, Malay Magic (London, Mc Millan and Co. Ltd., 1900), hal. 23.

²W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 56.

dan Autokrasi iaitu undang-undang yang dibuat oleh golongan atasan atau pemerintah. Apabila diluluskan semua golongan rakyat mesti mematuhi. Keadaan ini jelas kita dapati dalam undang-undang lama iaitu kuasa mutlak adalah terletak di tangan raja yang memerintah dan mereka berhak membuat peruntukan-peruntukan tertentu mengenai undang-undang. Keadaan ini didapati dengan jelas disebutkan oleh Undang-Undang Melaka iaitu:

"Adapun segala syarat hamba raja itu
tiga perkara, suatu benar kepada
barang af^calnya, kedua menurut barang
titah rajanya, mau ia zalim mau ia
tiada, fardu menurut titahnya."¹

Undang-Undang Kedah pula menyebutkan:

"Fasal menyatakan syarat raja-raja
itu empat perkara.....
kedua, titah yang tiada berubah
tetapkan hukum mati dimatikan,
hukum hidup dihidupkan, hukum
denda didendakan, hukum rampas
dirampaskan tatkala menghukum itu."²

¹Drs. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 66.
Lihat juga Ph.S. Van Ronkel, Risalah Hukum Kanun (Leiden, 1929),
hal. 4.

²R.O. Winstedt, Kedah Laws, h.34.

Dalam petikan Undang-Undang Melaka di atas menunjukkan raja mempunyai kuasa penuh dalam struktur pemerintahan, rakyat mesti mengikut perintahnya samada ia zalim atau tidak, ketaatan adalah menjadi tanggungjawab. Dalam petikan Undang-Undang Kedah yang berikutnya pula memberi erti yang sama iaitu raja mempunyai kekuasaan penuh dalam seg-nap bidang, jika dihukum seseorang tiada sesiapa pun yang berkuasa untuk menahan atau menarik kembali hukuman itu. Raja juga mempunyai kuasa penuh dalam soal memberi keampunan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Sebagai kesimpulannya mengikut undang-undang lama Raja mempunyai kuasa yang tidak terbatas. Keadaan ini berbeza dengan kedudukan kuasa raja-raja yang didapati di hari ini. Perlembagaan Persekutuan memperuntukan:

"Raja hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu, kecuali sebagaimana selainnya diperuntukan oleh perlembagaan persekutuan atau perlembagaan negeri; tetapi Raja adalah berhak, atas permintaannya mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan kerajaan negerinya yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan."¹

¹Perkara 71(I) (I) Perlembagaan Persekutuan (terjemahan) Pindaan hingga 30hb. Disember, 1978.

Menurut perkara 71(2) pula memperuntukan:

- "Raja boleh bertindak menurut budi-bicaranya pada menjalankan tugas-tugas yang berikut (selain daripada tugas-tugas yang pada menjalankannya ia boleh bertindak menurut budi-bicaranya di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu:
- a) melantik seorang Menteri Besar,
 - b) tidak mempersetujui permintaan membubar Dewan Negeri,
 - c) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama,
 - d) apa-apa tugas sebagai Ketua Ugama Islam atau mengenai adat istiadat Melayu,
 - e) melantik waris atau waris-waris, permaisuri, Pemangku Raja atau Juma'ah Pemangku Raja,
 - f) melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran disisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya,
 - g) membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana-istana."

Berhubung dengan kuasa raja-raja ini terdapat juga peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah. Mengenai

¹Ibid, perkara 71(2)

kuasa pemerintahan diperuntukan dalam perkara 34(I) iaitu:

"Maka kekuasaan pemerintahan negeri ini adalah hak raja pemerintah dan boleh dijalankan, setakat yang tiada bercanggah dengan syarat mana-mana Undang-Undang Negeri, olehnya atau oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Menteri Besar, tetapi bolehlah Dewan Negeri dengan Undang-Undang memberikan kuasa menjalankannya kepada orang-orang lain."¹

Mengenai kuasa keampunan, pertanggunguhan, menukar dan memper-
ngankan hukuman disebut dalam perkara 42(I) iaitu:

"berkuasalah Raja Pemerintah boleh benar ampun pertanggunguhan atau tempohan berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dilakukan di dalam negeri ini (yang lain daripada apa-apa kesalahan yang telah dibicarakan oleh majlis bicara bagi soldadu) dan sebarang kuasa yang diberikan oleh Undang-Undang Persekutuan atau Undang-Undang Negeri bagi memperingan atau menangguh atau menukar hukuman bagi mana-mana kesalahan itu bolehlah dijalankan olehnya."²

Perkara 42(I) di atas dapat dilaksanakan tertakluk kepada

¹Perkara 34(I) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah semakan 1973/74.

²Ibid, perkara 42(I)

perkara 42(2) yang memperuntukan:

"Kuasa yang tersebut di dalam perkara (I) itu hendaklah dijalankan menurut peraturan dan menurut syarat-syarat yang di per-tetapkan di dalam perkara 42 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Persekutuan."¹

Dalam soal pentadbiran Ugama Islam pula raja bertindak sebagai ketua ugama, ini disebutkan dalam seksyen 3 Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam iaitu:

"Kecuali seperti yang telah disyaratkan dengan nyatanya di dalam Undang-Undang ini maka tidak ada apa-apa pun yang terkandung di dalamnya akan mengurangkan atau mengenai akan hak-hak kelebihan dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia sebagai ketua ugama negeri ini sebagai-mana yang diterangkan dan dinyatakan di dalam Undang-Undang tubuh Kerajaan negeri Kedah."²

Lanjutan dari section di atas perkara 33(B) Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri Kedah memperuntukan:

¹Ibid, perkara 42(2)

²Section 3 Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam (Undang-Undang Negeri Kedah No. 9, Tahun 1962).

"Raja adalah menjadi Ketua Ugama Negeri ini dan majlis Ugama Islam, yang ditubuhkan menurut Undang-Undang negeri yang wujud sekarang ini hendaklah juga menolong dan menasihati raja menurut undang-undang yang tersebut itu."¹

Berdasarkan kepada petikan-petikan di atas, kita dapati kuasa Raja-Raja Melayu dewasa ini telah diperuntukan oleh Perlembagaan berbeza dengan apa yang didapati dari Undang-Undang lama di mana raja mempunyai kekuasaan penuh dalam segenap bidang, segala perintah yang dikeluarkannya tidak ada siapa yang boleh membatalkannya samada dalam keadaan zalim ataupun tidak. Oleh itu kalau dibezakan di antara kedua-dua struktur kuasa pemerintahan di atas (lama dan baru), terdapat banyak perubahan-perubahan yang berlaku terhadap kedudukan kuasa Raja-Raja di hari ini.

2.6. PEMBAHAGIAN ADAT ISTIADAT

Untuk membincangkan mengenai adat istiadat ini secara tersusun, perlu kita membahagikannya kepada dua bahagian iaitu:

Pertama: Adat Istiadat larangan

Kedua: Upacara dan Peraturan adat Istana.

¹Perkara 33(B) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah semakan 1973/74.

Dalam bahagian adat istiadat larangan ini perlu diketengahkan mengenai larangan-larangan yang dikenakan keatas rakyat biasa di mana dalam keadaan-keadaan tertentu rakyat biasa adalah dibataskan terhadap pekerjaan-pekerjaan atau perbuatan-perbuatan yang hendak dilakukan. Perkara yang lebih ditonjolkan di sini ialah menyentuh soal peralatan-peralatan atau barang-barang kegunaan yang menyerupai alatan raja seperti penggunaan keris daripada emas atau perak, kain nipis seperti khasa, kain kuning dan lain-lain.

Mengenai upacara dan peraturan adat istana pula adalah merangkumi segala bentuk yang bersabit dengan protokol-protokol istana seperti pertabalan, perkahwinan, kemangkatan dan adat istiadat yang lain.

Ringkasnya rakyat biasa terpaksa melalui peraturan-peraturan tertentu berhubung dengan adat istiadat raja-raja Melayu misalnya apabila mereka hendak mengadap raja terlebih dahulu hendaklah memakai kain berpancung, kain dikalungkan ke leher, menutup bahu serta keris disisipkan di hadapan. Jika peraturan-peraturan tersebut tidak dipatuhi seperti menyisipkan keris itu ke belakang dan sebagainya, mereka tidak dibenarkan masuk mengadap dan keris akan dirampas.¹ Untuk penerangan selanjutnya kita lihat tentang

¹Yusuff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, h.56 - 57.

adat istiadat yang terdapat dalam teks Undang-Undang Melayu Lama berasaskan Adat Temenggung.

2.6.I. Adat Istiadat Larangan.

Berhubung dengan adat istiadat larangan akan disenaraikan beberapa larangan-larangan yang ditentukan oleh Teks-Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan juga Sejarah Melayu yang merupakan Teks asal dapat menerangkan mengenai Sejarah Negeri Melaka dan merupakan asas kepada adat istiadat raja-raja Melayu. Adat istiadat larangan tersebut ialah kain kuning, kain nipis, keris berhulu emas, membuat rumah dan perahu, tilam pandak empat persegi, tombak bercabang tiga dan larangan memakai payung. Adat istiadat begini dibentuk bertujuan untuk membezakan antara golongan raja dan rakyat, di samping itu ia merupakan pakaian keistimewaan golongan raja.

a. Kain Kuning

Mengikut peruntukan Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Kedah dan Hukum Kanun Pahang warna kuning adalah dikhaskan untuk pakaian golongan raja, rakyat biasa dilarang keras memakai dan menggunakannya¹ seperti dibuat pakaian, saputangan, bantal, alas tilam,

¹Kassim Ahmad, Kisah Pelaran Abdullah (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964), hal. 46.

tepi tabir, alas talam dan alat-alat perhiasan rumah yang lain.¹

Jika rakyat biasa melanggar perintah larangan di atas kemungkinan mereka akan dikenakan hukuman samada bunuh, dicarikkan atau dirampas kain itu.² Undang-Undang Melaka menyebutkan:

"Ketahuilah olehmu bahawa tiada harus memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugerah³ raja-raja, maka iaitu dibunuh hukumnya."

Dalam Undang-Undang Kedah pula menyebutkan:

"Fasal pada menyatakan pakaian raja-raja itu empat perkara: Pertama berkain kuning.....maka seperti pakaian yang demikian, tiada boleh yang lain memakainya; barangsiapa memakainya kelak dirampas."⁴

¹Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 64. Lihat juga Ph.S. Van Ronkel, Risalah Hukum Kanun, hal. 3. J.E. Kempe dan R.O. Winstedt, hal. 30. Tardjan Hadidjaja, hal. 79.

²Ibid, hal. 68. Lihat juga R.O.Winstedt, Kedah Laws, h.34.

³Ibid, hal. 64.

⁴R.O. Winstedt, Kedah Laws, hal.34.

b. Kain Nipis

Kain nipis juga adalah salah satu perkara yang tergolong dalam adat istiadat larangan, rakyat biasa adalah ditegah dari memakainya semasa berada di balai atau majlis raja-raja.¹ Undang-Undang Melaka menyebutkan:

"Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau di luar boleh dipakai."²

Rakyat boleh memakai kain nipis ini dengan syarat terlebih dahulu mendapat kebenaran atau memakai di luar majlis raja-raja, jika rakyat biasa melanggar perintah larangan ini ia akan dikenakan hukuman samada dicarikkan atau dikeluarkan dari majlis itu.³

c. Keris berhulu emas

Ini juga merupakan satu lagi peruntukan larangan dalam adat istiadat Raja-Raja Melayu terhadap rakyat biasa di mana rakyat hanya akan dibenarkan menggunakan keris ini setelah mendapat anu-

¹Kassim Ahmad, hal. 46.

²Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 64.

³Ibid, hal. 64.

gerah dari raja terlebih dahulu. Peruntukan ini disebut dalam Undang-Undang Melaka iaitu:

"Dan demikian lagi memakai hulu keris emas seperti merubi dan bawang sebongkol. Itupun tiada dapat dipakai oleh orang keluaran, jikalau tiada dengan nugraha raja akan dia. (Jikalau ada dengan nugraha raja-raja akan dia), maka dapat dipakai. Jikalau ada orang yang memakai dia, hukumnya dirampas."¹

d. Membuat Rumah dan Perahu

Di larang juga membuat rumah yang bertiang gantung, bertiang terus dari atap kebawah, tidak boleh membuat rumah yang beranjung dan tidak boleh dibuat ruang peranginan. Mengenai perahu pula tidak boleh didirikan didalamnya tempat duduk yang menyerupai seperti tempat penghadapan raja. Sejarah Melayu menyebutkan:

"Dan larangan berbuat rumah bepermanjungan bertiang gantung tiada terletak ketanah, dan bertiang terus dari atap, dan peranginan; dan jikalau perahu bertingkap berpenghadapan²

¹Ibid, hal. 66. Lihat juga W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, h.56.

²W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 56.

e. Tilam Pandak empat persegi.

Mengenai soal larangan lagi kita dapati bahawa orang kebanyakan adalah dilarang menggunakan tilam pandak empat persegi yang dinamakan peterana, benda-benda seperti ini merupakan hak penggunaan untuk golongan raja. Mengenai larangan di atas terdapat dalam Undang-Undang Kedah yang menyebutkan:

"Fasal pada menyatakan pakaian raja-raja itu empat perkara: Pertama berkain kuning dan kedua bertilam pandak empat persegi namanya peterana dan ketiga payung ubor-ubor, dan keempat tombak bercabang. Maka seperti pakaian yang demikian, tiada boleh yang lain memakainya: barangsiapa memakainya kelak dirampas."¹

f. Tombak Bercabang Tiga

Ini juga merupakan salah satu daripada larangan khas ditujukan kepada masyarakat biasa daripada menggunakannya, jika didapati golongan ini menggunakannya juga ia akan dirampas.²

¹R.O. Winstedt, Kedah Laws, h. 34.

²Ibid, hal. 34.

g. Adat Memakai Payung

Rakyat biasa dilarang menggunakan payung ubor-ubor, jika digunakannya ia akan dirampas.¹ Mengenai warna payung pula iaitu putih dan kuning adalah dilarang untuk kegunaan rakyat jelata. Warna putih dikhaskan untuk raja dan warna kuning digunakan untuk anak-anak raja. Sejarah Melayu menyebutkan hal ini:

"Bermula payung putih lebih daripada yang kuning, kerana payung putih itu nampak dari jauh, sebab itulah maka payung putih lebih daripada kuning; dan pakaian raja payung putih, dan pakaian anak raja payung kuning."²

Ringkasnya kita dapat membuat kesimpulan bahawa larangan-larangan yang dikenakan terhadap rakyat biasa adalah menjadi hak mutlak raja, jika rakyat melakukannya tanpa mendapat kebenaran atau anugerah terlebih dahulu, mereka akan dihukum samada bunuh, rampas, dicarikkan jika benda-benda yang berbentuk kain atau dikeluarkan dari majlis-majlis yang diadakan jika kesalahan itu dilakukan dalam majlis itu. Walaubagaimana pun rakyat boleh juga menggunakan atau membuat perkara-perkara larangan tadi dengan syarat terlebih dahulu meminta kebenaran atau mereka telahpun dianugerah bagi

¹Ibid, hal. 34.

²W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 57.

melakukannya.

2.6.2. Upacara dan Peraturan Adat Istana

Dalam bahagian ini akan dihuraikan mengenai Upacara-Upacara dan Peraturan-Peraturan adat yang dilakukan di istana. Perkara-perkara tersebut ialah Adat Bahasa yang dipertuturkan berhubung dengan golongan raja, Adat Utusan Datang dan Pergi, Adat Istiadat Raja Berjalan, Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli, Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya, Adat Istiadat Perkahwinan, Adat Istiadat Pertabalan dan Adat Istiadat Kemangkatan.

a. Adat Bahasa Raja-Raja

Undang-Undang Melayu Lama membayangkan bahawa golongan Raja adalah mempunyai kedudukan yang tertinggi dan teristimewa, bahasa-bahasa yang dipertuturkan oleh golongan ini juga berlainan dengan rakyat biasa di samping itu terdapat pula bahasa yang dikhaskan untuk rakyat menggunakannya semasa mengadap dan bertutur di hadapan raja. Bahasa-bahasa itu ialah:

Anugerah	Bersiram
Baginda	Beta
Beradu	Daulat
Berangkat	Gering
Bercemar	Ketor

Kurnia	Sabda
Makam	Santap
Mangkat	Semayam
Murka	Sila
Nobat	Tabal
Pacal	Titah. ¹
Patik	

Mengikut Undang-Undang Lama jika rakyat menggunakan bahasa tersebut mereka akan dikenakan hukuman jika diketahui oleh Raja. Perkara ini disebutkan dalam Undang-Undang Melaka iaitu:

"Fasal yang kedua pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara yang tiada dapat kita menurut kata ini melainkan dengan titah tuan kita juga, maka dapat. Pertama titah, kedua patik, dan ketiga murka, keempat kurnia, kelima nugraha. Maka segala kata ini tiada dapat dikatakan oleh kita sekalian. Jika hamba raja mengatakan dia, dibunuh hukumnya. Dan jikalau orang lain berkata demikian itu, digocoh hukumnya."²

¹Ph.S. Van Ronkel, Risalah Hukum Kanun, hal. 4. Lihat juga Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 66. Syed Alwi al-Hadi, hal. 56. H.M. Sidin, hal. 136.

²Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 66.

Sebagai kesimpulan dari petikan di atas menunjukkan bahwa Bahasa Raja-Raja adalah dilarang keras kepada rakyat menggunakannya sehingga boleh dijatuhkan hukuman tertentu terhadap mereka yang memperkatakan bahasa tersebut.

b. Adat Utusan Datang dan Pergi

Penerimaan utusan dalam adat istiadat lama adalah merupakan satu peraturan resmi, maka adat telah dibentuk dan dilembagakan dalam protokol istana. Upacara-Upacara seperti ini diceritakan dalam sejarah Melayu iaitu apabila utusan datang atau pergi, ceper dan kerikal dibawa oleh hamba raja dari dalam, kemudian disambut oleh kepala bentara yang di sebelah kanan, kerikal diletakkan di hadapan bendahara, sementara ceper dan tetampan diberikan kepada orang yang membawa surat.

Rombongan penyambut tetamu diketuai oleh seorang menteri dengan menaiki gajah, bentara duduk di buntut gajah. Apabila rombongan itu telah sampai kebalai, maka surat yang dibawa itu disambut oleh hulubalang asal (kepala bentara kanan) dan menyampaikannya sembah kepada raja, sementara kepala bentara kiri pula bertugas untuk menyampaikan titah yang diberikan oleh raja kepada utusan yang datang.

Menyentuh tentang alat persiapan semasa menyambut tetamu dilihat kepada keadaan negeri yang mengirinkan utusan itu, jika negeri itu terdiri dari yang sama taraf atau yang lebih tinggi maka alat-alat persiapan untuk menyambut akan dilebihkan, sebaliknya kalau negeri yang lebih rendah tarafnya maka alat-alat persiapan juga dikurangkan. Semasa utusan datang atau hendak kembali diadakan segala persiapan dengan alat-alat kerajaan dan juga diiringi dengan bunyi-bunyian seperti gendang, serunai, nafiri dan nagara.¹

c. Adat Istiadat Raja Berjalan

Apabila didapati raja berangkat berjalan di jalan, mengikut adat Melayu Lama ada seorang yang membawa lembing berjalan dahulu di hadapan kira-kira sejauh sepuluh atau dua belas depa diiringi oleh pengiring di belakang baginda. Apabila seseorang yang berjalan di hadapan bertemu dengan orang yang membawa lembing tadi, hendaklah ia berhenti dengan segera dan duduk sehingga angkatan raja itu berlalu, kemudian bolehlah ia bangun dan meneruskan perjalanannya, jika ia melanggar peraturan ini ia akan dihukum, kecuali pedagang yang baru datang ketempat itu akan diberi keampunan.²

¹W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 57.

²Syed Alwi al-Hadi, hal. 60.

d. Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli

Semasa Raja Melaka bersemayam di balai rong seri aturan kedudukannya ialah bendahara ditempatkan di sebelah hadapan, selepas itu penghulu bendahari, Temenggung, Menteri, orang-orang besar, hulubalang dan sida-sida ditempatkan di seri balai. Anak raja duduk dikelek-kelekan balai sebelah kiri dan kanan, sida-sida yang muda duduk berselangseli dengan bentara, hulubalang-hulubalang yang muda memikul pedang berdiri diketapakan balai. Hulubalang-hulubalang yang lain duduk di selesar balai.

Kepala bentara kiri (yang duduk di sebelah kiri raja) adalah dari keturunan cucu-cucu menteri dan yang boleh menjadi bendahara, penghulu bendahari dan temenggung. Kepala bentara kanan ialah terdiri daripada keturunan hulubalang yang boleh memegang jawatan laksemana dan Seri Bija Diraja. Bakal laksemana bergelar Sangguna dan bakal bendahara bergelar Tun Pikrama.

Mengenai adat istiadat menjunjung duli pula, orang yang mula-mula menjunjung duli ialah kepala-kepala bentara, selepas itu sida-sida yang tua kemudian barulah diikuti oleh para hadirin. Perkakas diraja seperti ketor, kendi, kipas dan lain-lain diatur berselang seli dalam balai penghadapan itu tetapi tempat sirih dan pedang diletakkan dikelekan kanan balai, pedang kerajaan ada-

lah dipegang oleh laksemama atau Seri Bija Diraja. Mereka berdua merupakan sebagai ketua hulubalang.¹

e. Adat Istiadat Raja Berangkat pada Hari Raya

Pada hari raya bendahara dan segala orang-orang kenamaan Diraja akan memasuki kawasan istana, usungan diraja akan diarak masuk oleh penghulu bendahari kekawasan istana. Apabila usungan sampai, semua orang-orang kenamaan akan berdiri berbaris-baris, gendang nobat akan dibunyikan dengan tujuh ragam bunyinya, raja diarak datang menaiki gajah ketempat usungan itu diletakkan. Semua orang yang hadir akan duduk di bawah kecuali bendahara yang menaiki astaka dan menyambut raja. Usungan diletakkan di tepi astaka, setelah dinaiki oleh raja ia diusung ke masjid untuk menunaikan sembahyang hari raya.² Pada hari raya juga meriam ditembak pada waktu subuh sekali, semasa raja hendak berangkat sekali dan ketika raja pulang dari masjid sekali.³

f. Adat Istiadat Perkahwinan

Mengenai Adat Istiadat Perkahwinan Diraja, Sejarah Melayu

¹Yusuf Iskandar, hal. 659.

²Ibid, hal. 663.

³R.O. Winstedt, Kedah Laws, hal. 43.

menceritakan dengan begitu ringkas seperti perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan Raden Galuh Cendera Kirana. Ia dimulakan dengan adat istiadat berjaga-jaga selama empat puluh hari dan empat puluh malam disertai dengan bunyi-bunyian yang terdiri dari gong, gendang, serunai, nafiri, nagara, gendir, berangsang, merdangga peri, rana sekati, giring, selukat, selempung, bangsi, suling, kopak, dan ceracap yang bergemuruh bunyinya di samping keramaian-keramaian dan permainan-permainan yang lain. Setelah genap empat puluh hari dan empat puluh malam, Sultan Mansur Syah pun dikahwinkan oleh Betara Majapahit dengan Raden Galuh Cendera Kirana.¹

Walau bagaimanapun kita dapati juga mengenai adat istiadat perkahwinan ini dengan agak lengkap di dalam Hikayat Hang Tuah yang menceritakan perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan Raden Mas Ayu dikenali juga dengan Raden Galuh Cendera Kirana² yang berlangsung di Majapahit.

Hikayat Hang Tuah menceritakan: Setelah peminangan oleh Sultan Mansur Syah diterima oleh Betara Majapahit, maka raja Melaka pun berangkatlah kesana bagi melangsungkan perkahwinannya.

¹W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal.91.

²Ibid, hal. 91.

Sebagai persiapan itu, Seri Betara telah menitahkan segala raja-rajaraja dan Adipati yang takluk kepadanya supaya berkumpul di Majapahit bagi memulakan adat istiadat berjaga-jaga empat puluh hari dan empat puluh malam dengan paluan berbagai-bagai bunyi-bunyian.

Hantaran:

Sempena dengan istiadat berjaga-jaga itu raja Melaka telah menyiapkan hantaran kepada Betara Majapahit iaitu:

1. Emas belanja 7 bahara
2. Kain 7 peti
3. Perempuan dayang-dayang 70 orang
4. Kain bersuji 7 helai.¹

Istiadat bersukaria itu bukan sahaja diadakan di istana Betara Majapahit tetapi diadakan juga di istana raja Melaka yang terletak di perkampungan Patih Gajah Mada. Istiadat itu juga dilengkapi dengan bunyi-bunyian, nyanyian serta tarian. Bila genap tempoh berjaga-jaga, keesokan harinya raja Melaka pun mandi berlangir serta memakai selengkap pakaian kerajaan Melaka. Ketika ini juga tuan puteri dihiasi orang, lalu didudukan atas singgahsana dengan dihadapkan oleh isteri-isteri raja-raja, biti-biti

¹W.G.Shellabear (ed), Hikayat Hang Tuah, Jil. 2, cet. jawi (Singapura: Malaya Publishing House Ltd., 1949), hal. 243.

anak-anak dara dan segala inang pengasuhnya. Raja Melaka pun beraraklah ke istana Betara Majapahit dengan gajah kenaikan yang dihiasi dengan emas dan perak serta diiringi oleh segala bunyi-bunyian. Di istana baqinda disambut oleh Patih Gajah Mada lalu didudukkan atas peterana. Maka upacara pernikahan pun dilangsungkan oleh Qadi.

Setelah sempurna upacara pernikahan, raja Melaka pun disandingkan bersama Radin Mas Ayu kemudian nasi adap-adapan pun diangkat dan dihidangkan untuk persantapan kedua pengantin itu. Hikayat Hang Tuah juga menerangkan setelah berpuluh hari dari perkahwinan itu, istiadat permandian pula diadakan di atas Pancapersada tujuh belas tingkat. Sebelum bersiram kedua-dua pengantin itu diarak dahulu mengelilingi pancapersada itu sebanyak tiga kali, lepas itu barulah baqinda berdua menaiki keatas pancapersada dan bersiram dengan air pancuran dari mulut naga yang dibuat khas di keempat-empat penjuru pancapersada itu serta diiringi oleh segala bunyi-bunyian. Selesai bersiram sekali lagi kedua-duanya diarak mengelilingi pancapersada tiga kali lalu berangkat keistana.¹

Mengikut Istiadat yang dilakukan semasa perkahwinan putera

¹W.G. Shellabear, Hikayat Hang Tuah, hal. 276.

Raja Besar Muda, setelah tamat tempoh berjaga-jaga dan sebelum upacara ^Cakad nikah dan bersanding dilakukan terlebih dahulu diadakan adat istiadat berinai. Peraturan-peraturan yang diatur di hadapan majlis itu ialah:

1. Pemegang dian yang berpaksi 16 terdiri dari perempuan muda.
2. Enam belas orang perempuan menyelampai wali kekuningan di belakang pemegang dian.
3. Enam belas orang lelaki dan enam belas orang perempuan muda membawa kain dukung kemudian putera sultan diinaikan.

Selepas upacara berinai pertama, diadakan pula upacara berinai kedua pada hari yang lain iaitu perarakan inai dibawa masuk dan diletakkan di tengah majlis, kemudian istiadat berinai diadakan. Selepas dari upacara ini baharulah istiadat ber^Cakad dilakukan oleh Qadi.¹ Ini berbeza sedikit dengan apa yang diceritakan oleh Hikayat Hang Tuah di mana selepas tamat tempoh berjaga-jaga, baginda sultan pun terus dimandikan. Kemudian upacara ber^Cakad dan bersanding diadakan di istana pihak perempuan.

¹Tardjan Hadidjaja, hal. 31.

g. Adat Istiadat Pertabalan

Semasa Istiadat pertabalan hendak dilakukan, persiapan-persiapan yang dibuat ialah:

1. Pedang kerajaan 4 bilah, dua bilah daripada emas dan dua bilah daripada suasa - orang yang membawanya adalah anak-anak menteri bertampan kuning dan berperisai emas.
2. Dua benian bersampul kuning
3. Puan Kerajaan - orang yang membawanya ialah anak-anak raja atau anak-anak menteri yang bertampan kuning.
4. Dua orang anak hulubalang yang memakai baju berantai membawa bedil yang bersampul kuning.
5. Dua orang membawa kayu kuning.

Aturan Berjalan

Dua orang yang membawa kayu kuning berjalan dahulu di hadapan diikuti oleh orang yang membawa bedil, kemudian orang yang membawa pedang berjalan di sebelah kanan dan kiri raja. Di belakang raja diikuti oleh puan dan benian. Adalah menjadi peraturan istiadat pada masa dahulu di mana sebelum pertabalan dilakukan, raja akan menaiki gajah dan berjalan ke Masjid, setelah kerbalia dinaikkan keatas astaka dan ditabalkan.

Perintah ketika Pertabalan dilakukan ialah:

Papan diatur tiga barisan (dikenali juga dengan tapakan), tiga orang berdiri di barisan pertama iaitu bendahara dan dua orang bentara yang berdiri di kiri kanan bendahara. Di barisan kedua pula terdiri dari anak-anak raja dan menteri empat yang berdiri di bahagian kiri dan kanan anak-anak raja itu. Di barisan ketiga pula terdiri dari menteri lapan kemudian diikuti di bahagian belakang seterusnya ialah segala menteri, hulubalang, pegawai dan rakyat jelata.

Gendang nobat diletakkan di hadapan bentara, gong besar digantung di bahagian balai itu, orang yang akan dilantik menjadi bendahara diperintahkan memukul gong itu sebanyak tiga kali kemudian ia menjunjung duli tiga kali dan ditabalkan. Kemudian gendang nobat dibunyikan dengan lagu Ibrahim Khalilullah, bentara menjunjung duli¹ tiga kali dengan mengatakan "Daulat Tuanku." Kemudian bentara naik ke atas balai dan berdiri di tiang balai, raja bangun dan berdiri di pintu tengah, bentara menjunjung titah dengan berkata: "Titah Duli Yang Di Pertuan," datuk bendahara titah dipanggil. Semua menteri-menteri dan orang-orang yang menerima

¹Menjunjung duli boleh dilakukan tiga kali, lima kali atau tujuh kali. Sekurang-kurangnya dilakukan tiga kali.

jemputan itu menjawab kata benzara iaitu "daulat tuanku" masing-masing bergerak dengan langkah bertiga menjunjung duli kemudian mengambil tempat masing-masing.¹

n. Adat Istiadat Kemangkatan

Apabila berlaku kemangkatan, enam belas pucuk meriam dipasang dan ditembak sebagai tanda kemangkatan raja. Kemudian alat usungan dibuat (raja diraja), jenazah baginda diangkat ke tempat bersiram dan diriba oleh anak-anak raja, kemeyan dibakar, jenazah baginda disiramkan oleh Qādī. Setelah air siraman dikeringkan, jenazah baginda diangkat ke atas peterana dan lilin dipasang enam belas paksi.

Setelah bersiram orang yang menadah air siraman diberi dua tahlil, orang yang meruang satu tahlil. Kemudian mayat baginda dikapankan di istana dan diangkat ke dalam keranda di balairong, Imam, Qādī, Fakih, khatib, Qari' dan rakyat jelata naik bersembahyang. Selepas sembahyang mereka disedekahkan lima riyal seorang dan kain cempa seorang sehelai.

¹ R.O. Winstedt, Kedah Laws, hal. 40.

Keranda al-marhum diangkat ke atas perusung raja diraja¹ dan keranda baginda ditutup dengan kain singkat yang berpakankan (برفککن) emas kemudian ditutup dengan kain cadar berpakankan emas panca di bahagian tepinya. Di bahagian tengah kain itu ditulis dengan air emas kemudian diatur dengan karangan bunga.

Usungan jenazah diiringi dengan pasukan bertombak yang berhulukan emas berjalan di sebelah kiri dan kanan kemudian diikuti dengan beratur pasukan lembing dan senapang. Di bahagian belakang terdapat pasukan yang membawa:

- Lilin 16 paksi
- Wali kekuningan 16
- Kain dukung 16
- Seorang membawa kendi (کدی)
- Seorang membawa ketor
- Seorang membawa perbaraan
- Seorang membawa tikar talkin

Usungan itu disertai dengan bunyi-bunyian iaitu gendang, serunai, nafiri dan juga tembakan meriam. Usungan itu melalui puaidai jalan yang disediakan. Apabila sampai di tapak permakaman,

¹Usungan yang dibuat daripada kayu yang bertiang empat, kemudian dibuat khemah atasnya seperti langit-langit yang menggunakan kain kekuningan.

keranda diletakan ke dalam liang setelah khemah didirikan. Meriam digunakan enam belas pucuk untuk tembakan. Setelah liang ditutup dengan tanah kembali beserta batu nisan siap diletakkan perbaraan setinggi pun dibakar. Qādī akan membaca talkin dan doa, setelah tamat air disiramkan ke atas tapak permakaman baginda di samping memohon supaya selamat sejahtera dan dilepaskan Allah ruh baginda daripada siksaan kubur serta mendapat balasan syurga. Kemudian sedekah diberikan kepada Qādī sebanyak 500 riyal dan meriam ditembak sekali lagi menandakan upacara terakhir istiadat permakaman.¹

Sebagai kesimpulannya bahawa adat istiadat yang terdapat dalam Undang-Undang Melayu lama pada dasarnya mempunyai persamaan antara negeri-negeri di Semenanjung yang mengamalkan Adat Temeng-gung tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa terdapatnya perbezaan dari struktur-struktur bahagian tertentu disebabkan oleh pengaruh keadaan, suasana, kedudukan dan kehidupan masyarakat setempat. Walaupun begitu tidaklah menjejaskan kedudukan adat istiadat yang lain secara keseluruhannya.

Mengenai teks-teks undang-undang dan buku-buku rujukan yang menceritakan tentang adat istiadat di atas pula adalah mempunyai

¹Dr. Ph.S. Van Ronkel, Adat Radja-Radja Melajoe (Voorheen E.J. Brill, Leiden, 1929), hal. 71. Lihat juga Tardjan Hadidjaja, hal. 51-58.

perbezaan. Sebagai contoh:

- i) Larangan menggunakan Tilam Pandak Empat Persegi dan Tombak Ber-cabang Tiga tidak disebutkan di dalam Undang-Undang Melaka dan Sejarah Melayu tetapi disebutkan di dalam Undang-Undang Kedah. Apa yang disebutkan di dalam Undang-Undang Melaka dan Sejarah Melayu ialah larangan menggunakan Keris Berhulu Emas tidak disebut pula di dalam Undang-Undang Kedah.
- ii) Tentang Adat Istiadat Pertabalan dipetik dari Undang-Undang Kedah kerana didalamnya diterangkan dengan agak panjang. Adat Istiadat Kemangkatan didasarkan kepada buku Adat Radja=Radja Melajoe karangan Ph.S.Van Ronkel. Buku ini dipilih kerana tidak terdapat keterangan yang jelas dari teks-teks yang lain mengenai adat istiadat ini. Misalnya Sejarah Melayu menceritakan istiadat semasa kemangkatan Sultan Mahmud iaitu:

"Setelah itu maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke rahmatullah ta^Cāla, dari negeri yang fana ke negeri yang baka. Kalū inna li'llāhi wa inna ilaihi fajī^Cun. Maka dikerjakan orang jenazah baginda, bagaimana adat raja-raja yang telah lalu. Setelah baginda ditanamkan, maka mereka itu sekeliannya pun berkabunglah empat puluh hari."¹

¹W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, hal. 219

iii) Berhubung dengan adat istiadat perkahwinan pula tidak terdapat keterangan dari Undang-Undang Melaka hanya sedikit yang didapati dari sejarah Melayu iaitu mengenai Perkahwinan Sultan Mansur dengan puteri Raden Galuh Cendera Kirana. Untuk memperjelaskan hal ini maka teks Hikayat Hang Tuah dipilih kerana terdapat didalamnya penerangan yang agak detail mengenai hal ini.

2.7. UNSUR-UNSUR ASING DALAM ADAT ISTIADAT RAJA-RAJA MELAYU

Unsur asing yang paling ketara sekali terdapat dalam adat istiadat Raja-Raja Melayu ialah Unsur Hindu, walau bagaimanapun kita tidak menafikan juga bahawa terdapat unsur-unsru lain seperti Parsi dan Islam. Dalam membicarakan unsur Hindu ini perlu dilihat kepada fakta sejarah Alam Melayu di mana sejak 2,000 tahun yang lalu perhubungan dagangan antara India dan Alam Melayu telah terjalin. Selat Melaka merupakan jalan dagangan yang terpenting. Anak-anak tempatan telah mengambil bahagian dalam perdagangan. Mereka yang di bawah pengaruh kebudayaan India telah mendirikan kerajaan kecil ketika itu.

Sebenarnya pengaruh Hindu yang masuk ke Alam Melayu adalah melalui proses masa yang panjang tetapi dengan cara damai. Sema-
sa berdagang di Alam Melayu pedagang-pedagang India telah berhasil

memikat hati raja-raja tempatan dengan berbagai cara seperti memberi hadiah-hadiah yang indah kepada raja tempatan, ada yang mengajar ilmu ghaib yang dapat menyembuhkan penyakit dan menewaskan musuh, akhirnya terdapat sebahagian dari orang-orang Hindu telah berkahwin dengan puteri-puteri raja dan menjadi orang yang berpengaruh. Dengan ini pengaruh Hindu telah meresap dalam kehidupan orang-orang Melayu.¹

Selain dari fakta di atas terdapat juga pengaruh-pengaruh yang masuk melalui jalan lain seperti pewarisan tradisi Hindu yang diamalkan sejak zaman Singapura dahulu sebab Parameswara (Iskandar Syah dalam Sejarah Melayu) berasal dari Palembang adalah menganut fahaman Hindu-Buddha.² Terdapat fakta sejarah yang tercatat semasa pemerintahan Maharaja Asoka (kira-kira 300 tahun sebelum masihi) menyatakan bahawa maharaja itu telah menghantar satu pasukan sami-sami Hindu kesatu tempat yang bernama "Suvama-bhumi" (tanah emas) iaitu di Selatan Burma. Dari fakta tersebut Harrison berpendapat, harus ada di antara sami-sami itu yang datang ke Kepulauan Melayu.³

¹Dr. Liaw Yock Fang, Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik, h. 20.

²Yusuf Iskandar, hal. 671.

³Brian Harrison, Asia Tenggara, terjemahan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1966), hal.12.

R.O.Winstedt pula berpendapat bahawa orang-orang Hindu telah sampai ke Tanah Melayu dalam kurun masihi yang pertama lagi iaitu dengan terjumpanya batu berhala dan tulisan Pallava dari Pantai Coromandel dan peninggalan-peninggalan di Borneo, inskripsi Siva di Indocina dan di Kedah, tentulah keadaan ini hasil dari kedudukan orang-orang Hindu yang telah bertapak sejak beberapa lama dahulu.¹

Sejak kedatangan mereka ke Alam Melayu banyak cara hidup orang-orang Melayu yang dapat dipengaruhi oleh mereka ketika itu.² Perkembangan-perkembangan kebudayaan mereka ke Nusantara dapat diteliti dari beberapa faktor; pertama, dipercayai melalui perpindahan pahlawan-pahlawan India ke wilayah ini. Kedua, perkembangan itu berlaku melalui golongan pedagang yang telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan. Seterusnya tidak kurang juga yang menganggap bahawa kaum Brahmanilah yang membawa kebudayaan tersebut ke wilayah ini.³

Kesan dari pengaruh-pengaruh tersebut masih terdapat hingga ke hari ini diantaranya seperti konsep Raja adalah berasal dari pengaruh Hindu kerana pada mulanya ia tidak didapati kecuali kon-

¹ Annas Haji Ahmad, Sastera Melayu Lama dan Baru (Kuala Lumpur: Syarikat Cahaya, 1982), hal. 78.

² Ibid, hal. 79.

³ D.G.E. Hall, History of South-East Asia, (London Mc Millan, 1966), hal. 19-20.

sep ketua sahaja. Setelah kedatangan orang-orang India, konsep Raja dan negeri diperkenalkan iaitu ketua tadi dinaikkan statusnya menjadi 'Raja'.¹

Segala keistimewaan-keistimewaan golongan raja seperti adat pemakaian emas dan perak² serta unsur memuliakan kekuningan dan di-jadikannya sebagai larangan yang diperadatkan di samping menjadi hak keistimewaan golongan raja adalah merupakan hasil dari pengaruh Hindu.³ Penggunaan perkataan sida-sida dan hulubalang adalah berasal dari susurgalur keturunan Kshatria Hindu.⁴ Perkataan-perkataan yang digunakan di istana seperti:

anugerah

beradu

berangkat

gering

kurnia

¹ Abu Hassan Sham, hal. 313.

² Yusuf Iskandar, hal. 671.

³ Mohamad Nadzir Hasan, Unsur Hindu Dalam Cerita-Cerita Melayu Klasik, Dian, Jun, 1977, hal. 90

⁴ R.O. Winstedt, The Malay A Cultural History, hal. 52.

mangkat

murka

santap

semayam

siram

titah¹

kesemuanya adalah berasal dari perkataan Sanskrit dikhaskan untuk golongan raja. Dalam upacara perkahwinan Di raja terdapat salah-satu upacaranya iaitu bersanding, juga merupakan pengaruh dari kebudayaan Hindu.²

Selain dari pengaruh Hindu terdapat juga pengaruh Parsi iaitu nobat yang dibunyikan ketika upacara-upacara tertentu seperti adat istiadat perkahwinan, pertabalan, kemangkatan dan lain-lain.³ Pengaruh Islam juga didapati dalam adat istiadat Raja-Raja Melayu. Apabila memperkatakan tentang hal ini perlu kita lihat sedikit tentang tiori kedatangan Islam itu sendiri. Prof. Cesar Adib Majul, seorang sarjana Islam di Filipina telah membincangkan berbagai tiori yang telah dikemukakan tentang kemasukan dan perkembangan

¹Ibid, hal. 65.

²Mohamad Nazir Hasan, hal. 90

³Yusuf Iskandar, hal. 671.


Islam ke Alam Melayu. Tiori ini dapat dirumuskan kepada enam corak:

1. Tiori yang dihubungkan dengan perdagangan.
2. Tiori bahawa Islam telah disebarkan oleh pengembang agama terutama ahli-ahli sufi dan kumpulan-kumpulan tarikat.
3. Tiori bahawa Islam berkembang kerana dorongan politik akibat persaingan antara kuasa-kuasa Islam tempatan dengan yang masih belum Islam.
4. Tiori menekankan peranan raja-raja.
5. Tiori yang menegaskan kelebihan ideologi agama Islam.
6. Tiori yang menekankan pertentangan kepada kuasa-kuasa Kristian (Portugis) dan Sepanyol.¹

Setelah kita lihat mengenai tiori-tiori kedatangan dan Perkembangan Islam kita lihat pula pengaruh Islam yang didapati dalam adat istiadat itu sendiri, hal ini dapat dilihat dalam beberapa istiadat umpamanya dalam istiadat mengarak raja ke masjid dan pemakaian serban itu adalah pengaruh Islam. Sebenarnya Islam di sini telah dicampuradukkan dengan unsur-unsur tempatan misalnya

¹ Mohd. Taib Osman, Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia, siri syarahan Tun Seri Lanang (KL: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1974), hal. 20.

masjid, bersembahyang hari raya dan menyambut bulan Ramadhan adalah ibadat dalam Islam tetapi upacara resmi menaiki usungan dan istiadat resmi yang berkaitan dengannya adalah unsur tempatan.¹ Di dalam istiadat perkahwinan umpamanya tepak sirih (puan) adalah perkara yang mesti dipatuhi merupakan adat tempatan.² Mengenai upacara ber^c akad nikah yang dilakukan oleh Qādī merupakan unsur Islam. Dalam upacara istiadat kemangkatan terdapat upacara persiraman jenazah, sembahyang jenazah yang dilakukan oleh imam, Qādī, fakih, khatib dan lain-lain serta upacara permakaman, pembacaan talkin dan doa³ juga merupakan unsur Islam. Untuk melihat unsur-unsur dan pengaruh-pengaruh di atas dengan jelas perlu dilihat kepada rajah berikut:



¹Yusuf Iskandar, hal. 671.

²Raja Mohd. Nordin al-Haj, Risalah Kebudayaan Melayu, siri 983, Sinaran Bros, t.t., hal. 10.

³Ph.S. Van Ronkel, Adat Radja-Radja Melajoe, hal. 68-71.

Walaupun Islam telah menjadi agama resmi bangsa Melayu sampai sekarang ini namun adat dan undang-undang Melayu tidak memperlihatkan persamaan-persamaannya dengan hukum Islam pada tempat-tempat tertentu, ketidaksamaan ini adalah disebabkan oleh keadaan masyarakat tempatan itu sendiri yang telah berpegang kuat dengan adat, ini bererti sesudah kedatangan Islam ke Alam Melayu keadaan masyarakat tempatan telahpun mengamalkan adat, hukum-hukum Hindu dan pengaruh-pengaruh yang lain.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qurān.
2. Abdullah Siddik, Dr.
Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya, 1975.
3. Abdullah Siddik, Dr.
Hukum Perkahwinan Islam. Jakarta: Tintamas, 1968.
4. Ahmad Abu Sunnah.
Madkhal al-Fiqh al-Islāmi. Cet. ke 2. Jami^Cah al-Azhar:
Dār al-Fikri al-^CArabi, 1965.
5. Al-Jurjani.
Kitāb al-Ta^Crifāt. Kaherah, 1382.
6. Annas Haji Ahmad.
Sastera Melayu Lama dan Baru. Kuala Lumpur: Syarikat
Cahaya, 1982.
7. As-Sayuti.
Al-Asybah wa al-Nazāir fi Qawā^Cid wa Furū^C Fiqh al-
Shafi^Ciah. Dār Ihya' al-Kutub al-^CArabiah ^CIsa al-Bābi
al-Halabi wa Syurakāhu, 1938.
8. Az-Zarqā', Mustafa Ahmad.
Al-Madkhal al-Fiqh al-^CAm. J.2. Damsyik, 1968.
9. Bartholomew, G.W.
Malaya Law Review Legal Essays. Faculty of Law,
University of Singapore, 1972.

10. Beattie, J.
Other Cultures. London: Cohen and West, 1964.
11. Buyung Adil, Hj.
Sejarah Melaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1973.
12. David C. Baxbaum.
Family Law and Customary Law In Asia. Martinus Nijhoff,
The Hague, 1968.
13. Gibb, H.A.R., Kramers, J.H., Levi-Provencal, E., Schacht, J.
Encyclopedia of Islam. J.1. Leiden, E.J. Brill. London
Luzac & Co., 1960.
14. Harrison, Brian.
Asia Tenggara. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa,
1966.
15. Hill, A.H.
Hikayat Raja-Raja Pasai. Singapura: The Malay Publishing
House Ltd., Jun, 1960.
16. Hooker, M.B.
Adats Law in Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford
University Press, London, New York, Melbourne, 1972.
17. Hooker, M.B.
Reading in Malay Adat Law. Singapore, 1970.

18. Hooker, M.B.

The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State. AJCL. vol. 16. no. 3.

19. Hooker, M.B.

The Personal Law of Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford University Press, London, New York, Melbourne, 1976.

20. Hall, D.G.E.

History of South-East Asia. London Macmillan, 1966.

21. Hornby, A.S. et. al.

The Advanced Learners Dictionary of Current English. Oxford University Press, 1969.

22. Kassim Ahmad.

Kisah Pelayaran Abdullah. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964.

23. Kempe, J.E. & Winstedt, R.O.

A Malay Legal Digest. JMBRAS. Vol. 21. Bahagian 1.

24. Khallaf, Abdul Wahab.

Ilmu Usul Fiqh. Mesir, 1970

25. Liaw Yock Fang, Dr.

Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. Singapura: Pustaka Nasional, 1975.

26. Liaw Yock Fang, Dr.

Undang-Undang Melaka. Biblioteko Indonesia: Published by the Koninklijk Inst., 1976.

27. Maruhun Batuah. A.M. Datuk dan Bagindo Tanameh, Datuk H.

Hukum Adat dan Adat Minangkabau. Jakarta: N.V. Poesaka Aseli, tt.

28. Madkur, Muhammad Salam, Dr.

Al-Ta^Crifāt al-Syarī^Cah al-Islāmiah, Madkhal al-Fiqh al-Islāmiah. Kaherah, 1964.

29. Mohd. Taib Osman.

Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia. Siri Syarahan Tun Seri Lanang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1974.

30. Nik Suffian Hj. Abdul Karim dan Lainnya.

Kajian Kebudayaan Melayu. Kota Bharu: Pustaka Dian Press, 1963.

31. Nordin Selat, Dr.

Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976.

32. Osman Ishak.

Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1979.

33. Raja Mohd. Nordin al-Haj.

Risalah Kebudayaan Melayu. Siri 983. Sinaran Bros, tt.

34. Richard, A.J.N.
Sarawak Land Law and Adat. 1961.
35. Shellabear, W.G.
Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977.
36. Shellabear, W.G. (ed).
Hikayat Hang Tuah. J.2. Cet. Jawi. Singapura: Malaya Publishing House Ltd., 1949.
37. Sidi Ghazalba.
Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1967.
38. Sidin, H.M.
Asal Usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
39. Sillis L. David.
International Encyclopedia of The Social Sciences. Vol. 11
America, The Mac Millan Company and The Free Press, 1968.
40. Sobhi Mahmasani.
Falsafah al-Tasyri^C fi al-Islami. Beirut: Dār al-^CIlmi
Li al-Malāyēn, 1961.
41. Syed Alwi al-Hadi.
Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1980.

42. Tardjan Hadidjaja.
Adat Raja-Raja Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
43. Teuku Iskandar, Dr.
Kamus Dewan. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1970.
44. Van Ronkel, Ph.S.
Adat Radja-Radja Melajoe. Voorhen E.J. Brill, Leiden,
1929.
45. Van Ronkel, Ph.S.
Risalah Hukum Kanun. Leiden, 1929.
46. William Skeats.
Malay Magic. London, Macmillan and Co. Ltd., 1960.
47. Winstedt, R.O.
A History of Classical Malay Literature. JMBRAS. Vol. 31.
Bah. 3. 1958.
48. Winstedt, R.O.
A History of Malaya. JMBRAS. Vol. 13. Bah. 1. 1953
49. Winstedt, R.O.
Kedah Laws. JMBRAS. Vol. 6. Bah. 2. March, 1928.
50. Winstedt, R.O.
The Malays A Cultural History. London: Routledge &
Kegan Paul Ltd., 1958.

51. Yusuf Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh.

Sejarah Melayu Satu Perbincangan Kritis Dari Pelbagai Bidang. Kuala Lumpur, 1978.

52. Perlembagaan Persekutuan (terjemahan) Pindaan hingga 30hb. Disember, 1978.

53. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam (Undang-Undang Negeri Kedah No. 9. Tahun 1962.

54. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah semakan 1973/74.

KERTAS KERJA

55. Ahmad Ibrahim, Prof.

Kearah Islamisasi Undang-Undang Di Malaysia, Masalah Dan Kemungkinan. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Perundangan Islam. UKM, Bangi pada 8 hingga 10hb. Ogos, 1981.

MAJALAH

56. Abu Hassan Sham.

Undang-Undang Hindu Dalam Teks Undang-Undang Adat Temenggung. Dewan Bahasa. Jil. 17. Julai. 1973.

57. Mohd. Din bin Ali, Hj.

Malay Family Customary Law. Intisari. Vol. 2. No. 2.

58. Mohamad Nadzir Hasan.

Unsur Hindu Dalam Cerita-Cerita Melayu Klasik. Dian. Jun. 1977.

59. Ya'akub Isa.

Sejarah Melayu Ditinjau Dari Beberapa Aspek. Dewan
Bahasa. Jil. 21. Bil. 10. Oktober. 1977.

60. Yusuf Iskandar.

Sejarah Melayu Dan Adat Istiadat. Dewan Bahasa. Jil. 21.
Bil. 10. Oktober. 1977.

TEMURAMAH

61. Dato' Hj. Shuib bin Osman (Dato' Paduka Seri Indera).

DPMK., KMN., BCK., No. 57c, Teluk Wanjah, Alor Setar,
Kedah.

62. Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh (Dato' Seri Amar Diraja).

DPMK., PSB., BCK., JP., No. 62-A, Teluk Wanjah, Alor
Setar, Kedah.

63. Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah.

Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Kedah. Pejabat
Sultan, Wisma Negeri, Alor Setar, Kedah.

64. YTM. Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur.

DSDK., SMK., BCK., No. 2928F, Taman Muhibbah, Jalan
Sultanah, Alor Setar, Kedah.

NOTA PERATURAN ISTIADAT NEGERI KEDAH

65. Peraturan Istiadat Perkahwinan Kerabat Diraja Kedah.

66. Peraturan Adat Istiadat Pertabalan Sultan Negeri Kedah Darulaman.
67. Peraturan Istiadat Kemangkatan dan Permakaman Diraja Negeri Kedah.